

**RADIO DAN ORANG ASLI: MENELUSURI PERANAN SIARAN ASYIK
FM DI PENEMPATAN PEDALAMAN ETNIK SEMAI DI POS TITOM,
LIPIS, PAHANG**

(National integration of the Orang Asli: the role of Asyik FM radio channel for the Semai ethnic at Titom Settlement, Lipis, Pahang)

Misliyah Rusli & Shazlin Amir Hamzah

ABSTRAK

Etnik Orang Asli dilihat sebagai warga pribumi yang hidupnya terpinggir dan terpisah dari kemajuan ekonomi berbanding masyarakat lain di Malaysia. Usaha membawa etnik Orang Asli kedalam sistem bernegara mula dilaksanakan dengan tertubuhnya sebuah jabatan khusus yang sekarang dikenali dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Dalam bidang komunikasi, radio Siaran Orang Asli sebagai produk kolonial yang pada peringkat awalnya, radio berfungsi sebagai agen gerak saraf keselamatan dan kemudiannya sebagai agen pembangunan. Siaran radio Orang Asli disiarkan dalam dialek dan citrabudaya Orang Asli ke seluruh negara dengan menggunakan pendekatan strategi penyiaran berasaskan elemen pembujukan dengan liputan siaran yang luas. Kajian ini bertujuan meninjau peranan Radio Asyikfm dalam mempengaruhi minda dan cara hidup masyarakat Orang Asli dan meneliti keberkesanan kandungan siaran dan perubahan ke arah integrasi nasional. Analisis kandungan dijalankan ke atas Jadual Siaran Radio Asyikfm bersama dengan Jadual Giliran DJ/Penyampai bagi tahun 2014. Kaji selidik turut dikendalikan terhadap 102 responden dari etnik Semai di Pos Titom, Lipis, Pahang dan temubual dengan informan utama. Orang Asli di penempatan pedalaman didapati sangat berminat mendapatkan berita dari luar komuniti mereka. Radio Asyikfm yang bersiaran dalam empat dialek Orang Asli dan bahasa Melayu menjadi pilihan utama mereka. Kajian ini mendapati perubahan dari segi integrasi nasional berlaku tetapi tidak dalam satu garisan linear. Unsur-unsur integrasi nasional telah disalurkan menerusi radio Asyikfm, namun begitu, proses membuat keputusan secara pemuafakatan dan perubahan ke arah integrasi nasional dilakukan oleh masyarakat Orang Asli berdasarkan pandang dunia (*worldview*) dan acuan mereka sendiri yang sangat kental dengan ikatan budaya mereka.

Kata kunci : Orang Asli, Radio Asyik FM, Integrasi Nasional, Malaysia, Pahang.

ABSTRACT

The *Orang Asli* ethnic group is often seen as natives whose lives are marginalized, isolated and the poorest. This is so because they are the last to receive economic development. Efforts of including them into the state system began in earnest since the establishment of the Department of *Orang Asli* (JAKOA), which is a dedicated welfare department for this ethnic group. The *Orang Asli* radio broadcast *Asyikfm* serves as a complimentary channel delivering information whilst entertaining. The channel began airing under the name *Siaran Orang Asli*. Initially functioning as an anti-communist psywar radio broadcast, it eventually serves as an agent of development. The channel employs a strategy that injects elements of persuasion as it airs in the *Orang Asli* dialects and nuances. Its coverage is extensive as it aims at integrating the said ethnic group into the national system. This study is aimed at evaluating the role of *Radio Asyikfm* in channeling information towards the formation of national integration for the *Orang Asli*. It seeks to evaluate the effectiveness of the radio content in the government's intention for national integration. For this reason, the study undertakes a mixed method approach. A content analysis is done on the *Asyikfm* Radio Broadcast Schedule as well as the *Deejay* Schedule for the year 2014. A survey is also carried out on 102 respondents from the *Semai* ethnic group of Pos Titom, Lipis Pahang. In addition, interviews were done with three Key informants. Results show that the *Orang Asli* settlements in the interior are very interested in getting news from outside their communities. *Asyikfm* airs in four dialects, namely *Orang Asli Semai*, *Temiar*, *Temuan*, and *Malay* and it is their preferred choice compared to other radio broadcasts. Further, the analysis showed that the broadcasting and dissemination by radio *Asyikfm* has actually led these aboriginal people to socialize through the medium of social media. To increase the level of understanding and communication, *Asyikfm* uses an approach that upholds the Malay language with translation. It entertains while communicating the government's agenda to its intended audience and that is the *Orang Asli*. The findings indicate the occurrence of change in terms of the national integration but not in a linear line as expected. Elements of national integration are disseminated through radio to the indigenous people. However, decision-making based on consensus as well as changes in the direction of national integration are done by the indigenous people based on their own worldview that remains attached strongly with their cultural ties.

Key words: *Orang Asli*, *Asyik FM Radio*, nasional integration, Malaysia, Pahang.

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang kaya dengan sumber-sumber asli dan didiami oleh pelbagai etnik dengan pelbagai bahasa dan budaya. Malaysia sering menjadi contoh di arena antarabangsa sebagai sebuah negara yang berjaya mewujudkan keharmonian dalam kalangan etnik yang pelbagai.

Menurut Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abd. Rahman, integrasi nasional bagi kumpulan pribumi yang kedudukannya bersifat minoriti dan terpinggir sangat kurang mendapat perhatian awam meskipun telah menjadi dasar kerajaan sejak tahun 1961 (dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill 2008). Kebergantungan kehidupan *Orang Asli* dengan sumber-sumber hutan dan penempatan yang jauh terasing dan terpinggir turut menjauhkan mereka dari segi

akses kepada infrastruktur dan juga komunikasi. Persoalannya, sehingga kini, sudahkah etnik minoriti yang terpinggir ini berintegrasi dengan masyarakat dominan?

Orang Asli mewarnai pelbagai kaum di Malaysia dengan 18 sub etnik yang masing-masing bersifat heterogen iaitu mereka berkomunikasi dengan dialek mereka yang tersendiri. Faktor-faktor bahasa, taraf pendidikan, ekonomi dan pergantungan dengan hasil-hasil hutan dikenalpasti sebagai faktor yang menjarakkan mereka dengan masyarakat arus perdana. Meskipun dari segi komunikasi, mereka sukar dihubungi melalui jalanraya dengan akses kepada infrastruktur tidak sempurna, media cetak tidak sampai di penempatan yang terasing ini namun satelit media penyiaran radio dan televisyen boleh menjejaki penempatan terpinggir ini setiap hari ke rumah-rumah mereka. Siaran radio khusus untuk Orang Asli di Malaysia telah bermula sejak 1959 dengan siaran televisyen empat tahun kemudian pada tahun 1963.

Kajian bertujuan meninjau keberkesanan mesej dan unsur-unsur integrasi nasional yang disalurkan kepada masyarakat Orang Asli oleh kerajaan melalui siaran radio Asyikfm. Dengan menggunakan metod gabungan (*mix method*), pengkaji menganalisis kandungan Jadual Siaran Radio Asyikfm bersama dengan Jadual Giliran DJ/Penyampai bagi tahun 2014 yang menjadi medium komunikasi kepada pembentukan integrasi nasional etnik orang asli Semai. Kaji selidik juga dijalankan ke atas 102 responden dari etnik Semai di Pos Titom, Lipis Pahang. Temubual dengan informan utama turut dijalankan.

Latarbelakang Kajian

Khalayak di Malaysia amat bergantung kepada media penyiaran (Asiah Sarji 1991). Sebelum televisyen diperkenalkan, media penyiaran radio telah dimanfaatkan sepenuhnya, sebagai saluran mendapatkan hiburan dan maklumat bagi orang ramai dan merupakan saluran strategik bagi kerajaan yang memerintah. Radio akan dipasang kuat melatari aktiviti sosial di penempatan ini. Bagi etnik minoriti Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di pinggir bandar dan pedalaman, radio adalah media penting yang menjadi sumber maklumat mengenai dunia luar dan sumber hiburan di perkampungan Orang Asli.

Pola penggunaan radio telah membuktikan penggunaan yang meluas dengan keistimewaan yang berupaya menjangkau segenap lapisan manusia disegenap ceruk rantau tanpa mengira tahap pendidikan menjadikan radio media penyiaran yang popular dan boleh di dengar tanpa halangan teknikal.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dipertanggung jawabkan menjaga kepentingan Orang Asli menghadapi kesukaran dalam berhubung dan berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Akses kepada media cetak mahupun elektronik agak sukar dengan tidak ada media yang diterbitkan atau disiarkan menggunakan dialek/bahasa etnik Orang Asli. Buta huruf sangat tinggi dalam kalangan mereka. Usaha untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli telah diusahakan oleh JHEOA sejak 1961, setelah diperbaiki dan ditegaskan sekali lagi pada tahun 1993. Kerajaan memperakui untuk mengintegrasikan Orang Asli dengan masyarakat dominan dan ia harus dilakukan menerusi proses pembangunan sosioekonomi (Asnarulhadi 2008).

Menurut Hood (2004) masyarakat Orang Asli adalah pelbagai dan setiap satunya berada dalam tahap pembangunan yang berbeza. Dari segi politik berdasarkan latarbelakang taburan penduduk, etnik minoriti Orang Asli dengan populasi 210,000 orang penduduk (JAKOA 2015) dan populasi ini adalah signifikan. Etnik Orang Asli tidak diwakili oleh mana-mana parti politik di Malaysia yang memperjuangkan kepentingan mereka berbanding etnik dominan yang lain seperti Melayu, Cina dan India (Ridhuan Tee 2010). Masyarakat Orang Asli telah dilaporkan

antara kumpulan yang paling miskin di Malaysia, dengan 80% Orang Asli berada dalam kategori miskin (Mohd. Fauzi Harun 2006) Menurut Ma'rof Redzwan dan Mohd Taufiq Mohamad (2008) dari segi insiden kemiskinan, didapati 50.09 peratus daripada jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) berada dalam kemiskinan. Daripada KIR yang miskin sebanyak 64.56 peratus tergolong dalam kemiskinan tegar (atau 32.34 peratus daripada jumlah KIR Orang Asli).

Fasa Perkembangan Siaran Radio Orang Asli.

Menyorot sejarah penubuhannya, siaran radio khusus untuk Orang Asli merupakan produk kolonial yang lebih berfungsi sebagai alat gerak saraf dalam membendung pengaruh komunisme (Itam Habri 2014).

Pada mulanya radio digunakan sebagai alat propaganda anti komunis, kemudian digunakan untuk rancangan pembangunan (Karthigesu 1990). Menelusuri perkembangan siaran radio Orang Asli, fungsi siaran radio telah bertukar mengikut keperluan agenda pemerintah:

a) Instrumen Gerak Saraf

Radio Siaran Orang Asli (SOA) diperingkat awal penubuhannya adalah atas dasar kepentingan keselamatan negara daripada ancaman anasir subversif Parti Komunis Malaya (PKM). Sasaran utama pergerakan tersebut ialah menyebarkan ideologi komunisme terhadap Orang Asli yang tinggal jauh di dalam hutan dan memanipulasi mereka untuk membantu perjuangan mereka. Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan program bersepadu 'Kempen Gerak Saraf Anti Komunis' ditubuhkan dengan dianggotai oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Polis Hutan (Senoi Praaq) dan Siaran Radio Orang Asli. <http://asyikfm.rtm.gov.my/asyik/index.php/info-asyik/51-sejarah-asyikfm>.

Perkhidmatan radio Siaran Orang Asli ditubuhkan pada 3 Februari 1959, dibawah penadbiran Rod Noone, Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang Asli Malaya (Itam Habri 2014). Pada masa itu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) menghadapi kesukaran berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli yang tinggal berselerak di Semenanjung Tanah Melayu. Tidak ada media massa yang menghubungkan mereka. Lebih rumitkan, terdapat 18 sub etnik Orang Asli dan mereka bersifat heterogen dengan masing-masing bercakap dalam dialek mereka sendiri.

Siaran radio Orang Asli dimulakan dengan bersiaran selama setengah jam dalam dua dialek utama iaitu Semai dan Temiar yang merupakan antara dua sub etnik yang utama (Itam Habri 2014). Siaran selama 30 minit bermula pada jam 3.00 petang dipancarkan melalui gelombang pendek kebangsaan 49 meter atau 6025 Kilohertz (Abu Bakar 2015). Bahagian Melayu, Jabatan Penyiaran Malaysia kemudiannya telah mewujudkan dua jawatan tetap iaitu Pembantu Penyiaran yang bertugas untuk menerbitkan: 1) berita, yang diterjemahkan dalam dialek Semai dan Temiar 2) rancangan hiburan 3) mini dokumentari.

Sokongan dan kerjasama Orang Asli dalam membantu pihak berkuasa serta kecekapan Pasukan Polis Hutan (Senoi Praaq) dengan kemahiran mereka dihutan telah berjaya mematahkan agenda komunis dalam penyebaran ideologi mereka terhadap Orang Asli yang hidup terasing di hutan. Fungsi radio telah dimanfaatkan sepenuhnya sebagai agen perang saraf dengan menyampaikan informasi dan maklumat kepada Orang Asli dalam dialek mereka.

b) Instrumen Agen Pembangunan

Selepas merdeka, 'Dasar Kerajaan Berkenaan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia' dilancarkan iaitu penyusunan semula masyarakat dengan mengambil perhatian terhadap konsep integrasi nasional (Zainal Abidin 2008). Penekanan dalam penyebaran informasi dan maklumat dalam bidang pendidikan, kesihatan, pertanian, dasar perhutanan dan penyediaan infrastruktur. Matlamat dasar adalah untuk pembangunan dan mengintegrasikan Orang Asli dengan masyarakat dominan (dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill 2008).

Setelah melalui penjenamaan semula, Siaran Orang Asli ditukar kepada Radio 7 dan seterusnya kepada Asyikfm pada 1 April 2005. Siaran bermula dari 8.00 pagi dan menamatkan siaran pada jam 10.00 malam. Pada 31 Ogos 2011, Asyikfm menambah waktu siarannya kepada 15 jam sehari, menggunakan tagline "*mon num moi*" bermaksud dalam dialek Semai "lain dari yang lain". Kawasan liputan Asyikfm ialah di Ulu Tembeling, Lembah Klang, Johor, Pahang Barat, Cameron Highland. Siaran dipancarkan menerusi gelombang FM 91.1 di Lembah Kelang, FM 102.5 di Pahang Barat, FM 89.3 di Ulu Tembeling, 105.1 di Cameron Highland dan Gunung Ledang FM 95.6. Menerusi gelombang pendek kebangsaan siaran boleh diterima di seluruh negara menerusi 49 meter atau 6050 Kilohertz. Perubahan pada gelombang pendek kebangsaan pada peringkat awal siarannya daripada 6025 Kilohertz kepada 6050 Kilohertz adalah untuk menambah baik mutu penerimaan siaran radio yang mengkhususkan untuk Orang Asli.

Menurut Adilah (2015) siaran radio Asyikfm berteraskan muzik popular dan informasi dengan kandungan rancangan berdasarkan 70 peratus hiburan dan 30 peratus informasi. Mempunyai elemen-elemen integrasi dengan memperkasa bahasa Melayu dan mempertingkatkan kefahaman menggunakan teknologi penyiaran. Berita Utama diterjemahkan ke dialek Semai, Temiar, Temuan dan Jakun mengikut jadual dan giliran penyampai (sila lihat jadual). Berita Nasional disiarkan dalam bahasa Melayu. Elemen hiburan dan interaktif adalah antara format kandungan rancangan yang menggalakkan penglibatan pendengar di udara dan membina sangkutan dengan DJ/penyampai Orang Asli.

Radio Orang Asli Asyikfm, menerbitkan rancangan dengan objektif untuk memberi penerangan dan menggalakkan penyertaan Orang Asli dalam semua program pembangunan kerajaan. Asyikfm bekerjasama dengan pelbagai jabatan, agensi kerajaan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam menyiarkan informasi, penerangan program dan aktiviti kerajaan ke arah pembangunan insan dalam menjayakan perubahan ke arah integrasi nasional. Sebagai contoh rancangan 'Doktor Diudara' yang menyiarkan jadual perkhidmatan doktor dari Kementerian Kesihatan ke penempatan Orang Asli di pedalaman dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang menggunakan helikopter ke penempatan yang sukar dilalui melalui jalan darat. Penyiaran kempen-kempen kerajaan dari jabatan Pertanian, Pendidikan, Kesihatan, Lembaga Pemasaran dan Pertanian, Perpaduan Negara dan Integrasi serta Jabatan Kemajuan Orang Asli dalam Jadual Siaran Radio Asyikfm samada dalam bentuk bualbicara, kapsul, drama mahupun Berita. Penekanan mengenai isu-isu berkaitan pemindahan teknologi dalam bidang sosio-ekonomi dan aspek-aspek pemasaran, pengetahuan mengenai kawalan penyakit berjangkit, rawatan ibu mengandung dan penjagaan anak. Penerangan mengenai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dimana Orang Asli yang tinggal berselerak disatukan dengan diberikan kemudahan asas adalah diantara agenda-agenda yang dirancang dan disiarkan menerusi Asyikfm menggunakan dialek-dialek Semai, Temiar, Temuan dan Jakun mengikut Jadual Siaran Asyikfm dan Jadual Giliran Bertugas DJ/penyampai.

Penyiaran rancangan-rancangan dalam bentuk berita, majalah, dokumentari ehwal semasa, drama serta penerbitan rancangan hiburan yang menyiarkan lagu pop Melayu dan lagu-lagu tradisi Orang Asli.

Teori Konsep

Teori yang boleh menjelaskan mengenai perubahan kepada masyarakat Orang Asli dalam kajian ini adalah teori perubahan sosial. Menurut Mondal, Puja teori perubahan sosial terbahagi kepada lima iaitu 1) Teori Evolusi 2) Teori Kitaran 3) Teori Perubahan Sosial Ekonomi 4) Teori Konflik 5) Teori Teknologi www.youngarticlelibrary.com. Kajian menggunakan Teori Evolusi yang menetapkan bahawa perubahan sosial sentiasa bergerak menuju matlamat yang ditetapkan dalam satu arah yang sehalu dan sekata. Masyarakat akan sentiasa berubah kepada satu tahap ketamadunan yang lebih baik dalam satu arah sahaja dan ini berlaku dalam satu garisan linear. Teori ini juga menjelaskan bahawa trend masyarakat bergerak dari kumpulan yang bersifat homogen kepada sebuah masyarakat yang berbeza pencapaiannya dengan pengkhususan yang tersendiri.

Menurut Asa Berger (2005), sepanjang masa individu sentiasa mencari kepuasan. Ciri-ciri kepuasan yang dicari ialah merasa seronok, perasaan terhibur, menikmati keindahan dan boleh berkongsi pengalaman dengan orang lain serta mendapatkan model untuk ditiru. Satu pendekatan kajian komunikasi massa untuk melihat sebab-sebab kenapa audien memilih dan menggunakan media. Teori modenisasi ini melihat pendengar sebagai penerima informasi yang aktif dan sentiasa membuat pemilihan (Giddens 1991, Ralph E. Hanson 2013). Pemilihan berdasarkan: 1) pendengar mempunyai kehendak dan keperluan, justeru pendengar membuat pemilihan untuk memenuhi kehendak dan keperluan mereka. 2) pendengar sedar akan wujudnya pilihan dan alternatif mengenai stesen radio yang menjadi pilihan mereka. 3) wujudnya persaingan media dan stesen-stesen radio dalam memenuhi citarasa pendengar untuk mencapai kepuasan pendengar. 4) pendengar menggunakan penilaian dalam perspektif mereka sendiri dalam membuat penilaian.

Apabila wujud revolusi industri perkembangan teknologi telah membawa manusia untuk saling berhubung menggunakan teknologi komunikasi yang sekaligus membawakan perubahan dari desakan luar. Menurut Nolan (1984) dalam Asiah Sarji (1991), himpunan teknologi telah menghasilkan kemampuan masyarakat mengumpul, menyimpan dan memproses maklumat. Lebih banyak maklumat yang diperolehi, lebih banyak percantuman idea berlaku. Perubahan sosial berlaku kerana desakan luar yang membawakan maklumat dan informasi dari luar komuniti mereka.

Kajian awal media di Malaysia mendapati, citarasa khalayak adalah sangat pelbagai (Asiah Sarji 1995). Kepelbagaian ini telah mewujudkan saluran radio yang khusus untuk memenuhi keperluan etnik yang khusus.

Konsep penentu media atau *agenda setting* menggambarkan kekuatan pengaruh media yang berkemampuan memindahkan acara atau berita ke arah pembentukan pendapat awam masyarakat. Media penyiaran radio berpotensi dalam merangka dan membentuk pendapat awam masyarakat minoriti Orang Asli serta menjadi asas kepada penentuan agenda terhadap sesuatu

isu, acara mahupun berita. Radio Asyikfm sebagai media penyiaran milik kerajaan, dimana kandungan siaran dalam penentuan agenda dikawal sepenuhnya oleh kerajaan.

Dalam proses kerja aliran maklumat, media penyiaran radio Asyikfm berfungsi sebagai orang tengah. Asyikfm memberi perkhidmatan dan berhubung rapat bersama masyarakat Orang Asli dan kerajaan pemerintah serta pada masa yang sama memberi balik maklumbalas kepada kerajaan setelah menerima maklumat balas dari masyarakat Orang Asli melalui media radio Asyikfm itu sendiri.


Rancangan-rancangan berbentuk interaktif membolehkan komunikasi dua hala dan penggunaan media sosial, blog Asyikfm, facebook, sistem pesanan ringkas (SMS) dan telefon menjadikan komunikasi berkesan dan aliran penentuan agenda berjalan lancar. Pertemuan bersemuka dan rancangan-rancangan radio di lokasi mempererat lagi hubungan ini.

Merujuk kepada teori penentuan agenda oleh Maxwell McCombs dan Donald Shaw (1972), terdapat assosiasi penyiaran dan kepentingan isu oleh khalayak. Melvin L. De Fleur (2010) mengkaji kesan liputan media dan bagaimana penampilan siaran oleh media mempengaruhi persepsi khalayak dalam menentukan agenda.

Pembentukan agenda adalah suatu proses interaksi dimana tajuk-tajuk dan isu agenda dipilih oleh radio Asyikfm untuk dipersembahkan kepada masyarakat Orang Asli. Pendengar Asyikfm mengasingkan minat dan perhatian berdasarkan fungsi individu dalam masyarakat Orang Asli dalam strata dan kategori sosial kehidupan. Mereka membuat pilihan rancangan-rancangan yang disiarkan mengikut cara yang boleh diramalkan sesuai dengan personaliti, minat dan keperluan mereka.

Komponen dan proses agenda terbahagi tiga: 1) agenda media: yang ditentukan sendiri oleh media dan isu dibincangkan dalam media radio Asyikfm 2) agenda awam; informasi atau berita yang dipilih dan ditapis oleh Orang Asli berdasarkan kepentingan mereka 3) agenda kerajaan; berdasarkan pendapat umum dan strategi kerajaan dalam melaksanakan matlamat dan polisi kerajaan.

Kesimpulannya, kerangka konsep pembentukan agenda adalah lingkaran yang melibatkan tiga komponen iaitu 1) media penyiaran radio Asyikfm, 2) masyarakat Orang Asli dan 3) kerajaan yang memerintah.



Sumber: Ubahsuai dari Arvind Singhal dan Everett M. Rogers, 2003, ms. 82

Latar Belakang: Kajian Kes Kampung Titom, Pos Titom, Lipis Pahang

Kampung Titom, Pos Titom, Lipis, Pahang adalah salah sebuah kampung penempatan Orang Asli disamping empat lagi kampung lain yang didiami oleh etnik minoriti Orang Asli Semai di Pos Titom. Penempatan ini dalam kategori pedalaman dimana pekan berdekatan ialah Betau yang jaraknya kira kira 55 km dari Pos Titom dengan melalui jalan tanah merah. Populasi keseluruhan Pos Titom seramai 553 orang. Penduduk Kampung Titom seramai 191 orang. Pengkaji memilih Kampung Titom kerana kampung tersebut mempunyai populasi yang teramai dengan merangkumi pelbagai peringkat umur yang diperlukan sebagai persampelan untuk kajian ini. Bekalan elektrik belum dibekalkan dengan sempurna di Kampung Titom. Mendengar radio menggunakan bekalan tenaga elektrik melalui *generator*.

Suasana keterasingan Kampung Titom yang jauh di pedalaman diceritakan dengan siaran radio dipasang kuat yang menyiarkan lagu-lagu Orang Asli dengan DJ/penyampai dalam dialek Orang Asli. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, telah menjadi amalan masyarakat Orang Asli dengan tabiat memasang radio dengan kuat. Menurut responden yang ditemubual katanya "radio dipasang kuat atau perlahan, elektrik sama saja...jadi lebih baik pasang kuat dan semua orang boleh dengar". Mereka mendengar radio secara beramai-ramai, siaran radio berkumandang dengan melatari kehidupan di Kampung Titom.

Ketiadaan radio yang dimiliki sendiri tidak menghalang etnik minoriti Orang Asli dari mendengar radio. Tabiat mendengar radio secara beramai-ramai dengan 61.5 peratus daripada responden memaklumkan mereka mendengar radio melalui rumah jiran berbanding 47.3 peratus mendengar radio di rumah mereka sendiri. Seperti mana budaya mereka yang berkongsi makanan, mereka akan berkongsi apa sahaja kemudahan atau peralatan yang mereka miliki.

Pemasalahan Kajian

Setelah lebih 55 tahun radio Asyikfm menemui pendengar-pendengarnya dengan sebuah jabatan kerajaan yang ditubuhkan khusus untuk pembangunan dan transformasi Orang Asli, JAKOA; Orang Asli seharusnya setanding dengan etnik-etnik lain di Malaysia. Namun secara realitinya Orang Asli masih di takuk lama dan berkembang dengan tahap yang terlalu perlahan.

Kebergantungan mereka kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli begitu ketara dalam menjaga kebajikan dan kelangsungan hidup mereka. Kebergantungan ini diterjemahkan sebagai "...masyarakat yang menerima daripada masyarakat yang berjuang untuk memperolehi pembaharuan dan kemajuan" (Hasan Mat Nor 1998). Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), kadar kemiskinan Orang Asli pada tahun 2010 berada pada tahap 31 peratus (JAKOA 2014).

Menurut Siti Nor Awang dan Juli Edo (2003) umumnya masyarakat Orang Asli telah terdedah kepada dua bentuk pembangunan. Pertama pembangunan yang dirancang khas untuk masyarakat ini dan yang kedua pembangunan umum yang merujuk kepada program pembangunan yang dilaksanakan untuk pembangunan kawasan secara menyeluruh tanpa mengira kumpulan masyarakat.

Seharusnya masyarakat Orang Asli telah membangun berdasarkan bantuan dan program-program pembangunan yang dirancang. Peranan komplementari radio Asyikfm sebagai ejen perubahan dalam medium komunikasi yang bersiaran dalam dialek dan citrabudaya Orang Asli menerusi kandungan siaran yang dikawal oleh kerajaan.

Berlandaskan Artikel 16 Deklarasi Bangsa Bangsa Bersatu, Hak-hak Orang Asli (2007) dan siaran radio khusus untuk Orang Asli di Malaysia yang telah bersiaran sejak 1959 dengan disokong oleh jabatan khusus yang menjaga kebajikan dan pembangunan Orang Asli (JAKOA). Di manakah titik pertemuan kandungan siaran dan pendayaupayaan yang diharapkan? Apakah masyarakat Orang Asli tidak mengalami perubahan dan berintegrasi dengan masyarakat dominan? Dalam kajian ini pengkaji melihat bagaimana media radio menyalurkan informasi disamping menghiburkan mereka dalam mempengaruhi perubahan ke arah membawa masyarakat Orang Asli untuk berintegrasi ke dalam masyarakat arus perdana.

Analisis Kandungan Jadual Siaran Asyikfm Dan Jadual Giliran Bertugas DJ/Penyampai 2014.

Hasil kajian menunjukkan, Orang Asli telah disalurkan dengan kandungan rancangan dan maklumat dalam pelbagai bentuk/genre rancangan yang disiarkan oleh radio Asyikfm melalui rancangan-rancangan ; berita, majalah, hiburan, drama, kapsul dan pengumuman khidmat awam Radio Asyikfm menyiarkan rancangan-rancangan dengan objektif dan mesej yang ditapis dan dirancang oleh Jabatan Penyiaran Malaysia. Agenda-agenda yang diterjemahkan dalam kandungan siaran radio Asyikfm yang mengandungi intipati perubahan yang dihasratkan oleh organisasi pelaksana khusus iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Strategi penyiaran dalam mendekati etnik minoriti Orang Asli ialah Asyikfm menghiburkan dan menyiarkan informasi berupa kempen-kempen kerajaan dengan agenda ke arah membangunkan komuniti Orang Asli. Strategi memperkasa bahasa dengan kempen-kempen kerajaan

menyasarkan kepentingan pendidikan, pengetahuan kesihatan, peningkatan kesedaran politik, pengetahuan ekonomi sosial dan peningkatan kesedaran kepentingan integrasi.

a) Pemerksaan Bahasa Melayu Dan Penterjemahan

Pada amnya, radio Asyikfm menggunakan pendekatan memperkasakan bahasa Melayu dalam siarannya berdasarkan kandungan Jadual Siaran Radio Asyikfm dan Jadual Giliran Bertugas DJ/Penyampai 2014 (Lampiran 1 dan 2). Kandungan rancangan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam penerbitan rancangan-rancangannya dan memperkaya perbendaharaan kata dalam bahasa tersebut.

Pemerksaan dalam bahasa dan penguasaan bahasa Melayu kepada etnik Semai dijadikan sebagai alat atau akses utama dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti komunikasi diperlihatkan dalam jadual berikut:

b) Penerbitan Rancangan

Jadual 1.0 Penerbitan Rancangan Bermatlamat Memperksa Bahasa Melayu

Bil	Rancangan	Format	Waktu siaran
1	Bahasa Jiwa Bangsa	Memperkayakan perbendaharaan kata dengan memberi contoh-contoh untuk memantapkan dan memahami nahu bahasa. Cogankata “Betulkan yang biasa, biasakan yang betul”.	1000-1002 Isnin-Jumaat
2	‘Nun Nyenis Nanek Nekata’ dalam bahasa Semai bermaksud Sehari Satu Perkataan.	Terjemahan bahasa Melayu kepada Semai dan sebaliknya. Memperkayakan perbendaharaan kata Semai-Bahasa Melayu-Semai	0930-0932 Isnin-Jumaat

Sumber: Asyikfm 2014

Jalinan kualiti komunikasi akan membawa kepada kefahaman dan kesepaduan sosial ke arah perpaduan berkonsepkan integrasi nasional yang dalam jangkamasa panjang akan menyatukan identiti bangsa sebagai identiti sepunya demi mencapai aspirasi negara.

c) Penterjemahan

Peningkatan kualiti komunikasi dan pemerksaan penguasaan bahasa Orang Asli melalui bahasa Melayu dilakukan dalam penyiaran Berita Utama dan Berita Nasional. Dialek/bahasa-bahasa utama Orang Asli Semai, Temiar, Temuan dan Jakun telah diperkasakan melalui penterjemahan. Pendekatan penterjemahan dua hala, bahasa Melayu kepada dialek Semai dan dialek Semai kepada bahasa Melayu dilaksanakan dalam siaran Berita serta rancangan-rancangan berbentuk wawancara (rujuk jadual 3.0).

Berita Nasional dan Berita Utama yang ditulis dan disunting dari Pusat Berita RTM merupakan penerbitan secara berpusat yang melaporkan perkembangan semasa dan maklumat mutakhir berita tanah air termasuk berita dari luar negara. Asyikfm memperkasakan bahasa dan meningkatkan kefahaman melalui penterjemahan daripada bahasa Melayu kepada dialek-dialek

Orang Asli. Bermula jam 11.00 pagi, Berita akan disiarkan pada setiap 2 jam yang diselenggarakan dengan Berita Utama dalam dialek-dialek Jakun, Semai, Temuan dan Temiar. Berita Nasional dan Ulasan Berita disiarkan dalam bahasa Melayu. (Sila lihat Jadual 2.0). Langkah ini adalah sebahagian usaha untuk menyalurkan informasi dan perkembangan semasa dengan teknik yang berkesan melalui pemeraksanaan bahasa dalam bidang penyiaran.

Jadual 2.0 Penyiaran Berita Utama dan Berita Nasional Radio Asyikfm

Bil	Berita	Terjemahan	Waktu Siaran
1	Berita Utama	Bahasa Melayu kepada dialek Jakun	1100-1110
2	Berita Utama	Bahasa Melayu kepada dialek Semai	1300-1310
3	Berita Utama	Bahasa Melayu kepada dialek Temuan	1500-1510
4	Berita Nasional	Bahasa Melayu	1700-1715
5	Berita Utama	Bahasa Melayu kepada dialek Temiar	1900-1910
6	Ulasan Berita	Bahasa Melayu	2200-2205

Sumber: RTM 2015

Rancangan Wawancara, Dengan DJ Sebagai Penyampai Dan Penterjemah.

Rancangan wawancara adalah platform yang luas dalam menemuramah tetamu yang merupakan mereka yang pakar dalam pelbagai bidang masing-masing. Model atau figura yang ditemuramah dipersembahkan sebagai model atau figura untuk ditiru (Arthur Asa Berger 2005). Penampilan dalam wawancara memberikan contoh-contoh model dalam pembentukan identiti, cara-cara bertindak dan secara tidak langsung menggalakkan bersosial. Kebanyakan pakar atau tetamu tidak mahir dalam dialek Semai atau dialek-dialek Orang Asli. DJ menemuramah dan pada masa yang sama menterjemah kepada dialek Orang Asli dan membuat penjelasan bergantung kepada keadaan sekiranya memerlukan. Hubungan dua hala diantara jabatan kerajaan dengan masyarakat Orang Asli diwujudkan menerusi penerbitan rancangan wawancara.

Jadual 3.0 Penerbitan Rancangan Wawancara

Bil	Rancangan	Format	Waktu Siaran
1	'Bersama Kita' diterjemahkan dari dialek Jakun membawa maksud Bersama Kita.	Wawancara dari Agensi Kerajaan mengenai perkhidmatan kerajaan. Isnin - Isu semasa. Pelbagai	1115-1300 Isnin- Jumaat

		Jabatan. Selasa - JAKOA. Rabu - Jabatan Tenaga Kerja. Khamis - Kementerian Kesihatan. Jumaat - Isu Semasa. Pelbagai Jabatan.	
2	<i>Lew Tow Menaleh</i> diterjemahkan dalam dialek Semai bermaksud "Belia dan Beliawanis".	Wawancara khusus untuk Generasi Y. Menemuramah ikon-ikon muda yang berjaya.	1115- 1300 Sabtu
3	Bersama Artis	Menjemput artis ke studio untuk bercakap mengenai perkembangan lagu dan muzik tanahair. Membuka talian telefon dan mewujudkan interaksi menerusi media sosial dan sms.	2000-2100 Sabtu
4	JPJ dan Anda	Mengundang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan ke studio bercakap mengenai undang-undang berkaitan undang-undang pengangkutan jalan dan orang ramai. Talian telefon dibuka untuk soalan dan pandangan.	1900-2000 Jumaat dalam Slot Retro 68.

Peranan Muzik Dan Rancangan Hiburan Dalam Jadual Siaran Radio Asyikfm Dalam Pembinaan Integrasi Nasional

Rancangan hiburan mempunyai unsur-unsur yang menjayakan hasrat; misi, visi dan objektif stesen. Muzik menghiburkan sementara lirik memberi informasi. Matlamat dan agenda- agenda 1) kerajaan 2) institusi 3) DJ/Penyampai disiarkan dengan mesej dan diterjemahkan dengan adunan lagu dan muzik. Kata-kata menerusi skrip DJ sebelum menyiarkan lagu mempunyai tarikan kepada pendengar untuk menikmati muzik dan menghayati lagu. Pilihan lagu mempunyai pengaruh ke atas pendengar. Elemen-elemen integrasi nasional diterapkan melalui informasi yang disampaikan oleh DJ/penyampai dengan citrabudaya Orang Asli sambil dihiburkan dengan muzik.

Radio Asyikfm menyiarkan lagu dalam dialek Orang Asli yang bersifat heterogen dengan hasrat membentuk sifat kepunyaan yang mendalam dan seterusnya membina elemen kesetiaan terhadap stesen Asyikfm. Stesen radio yang lain tidak menyiarkan sewang mahupun lagu-lagu masyarakat Orang Asli seperti radio Asyikfm. Mencungkil bakat dan bersiaran dengan

citrabudaya masyarakat Orang Asli menjadikan Asyikfm pakej penyiaran pilihan masyarakat Orang Asli yang berpengaruh.

Agenda dan strategi pembangunan kerajaan diselitkan di dalam rancangan drama, temu-bual atau hiburan radio bagi menarik minat dan kerjasama orang ramai. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Fadzilah Yusof (Jurnal Komunikasi Jilid 28(1):77-88 yang mengkaji penggunaan rancangan radio dalam membangunkan industri pertanian di Malaysia.

Lagu dan muzik berkemampuan membentuk identiti stesen radio (*sound of the station*) dan meningkatkan minat pendengar untuk terus mendengar, ditemankan, dihiburkan dan seterusnya mengikuti informasi-informasi yang disiarkan. Penerapan agenda-agenda kerajaan ke dalam minda melalui proses asimilasi, akulturasi mahupun akomodasi dalam pembentukan integrasi nasional.

Rancangan-rancangan dengan akses kepada interaktiviti.

Radio Asyikfm menyediakan ruang interaktif yang strategik menerusi media dengan berhibur, mendapatkan maklumat dan sekali gus menggunakan alat teknologi komunikasi untuk bersosial. Menggabungkan unsur-unsur media sosial, pesanan ringkas dan telefon dalam rancangan dengan DJ/Penyampai yang berperanan sebagai agen perutusan dan penghibur mempromosikan agenda-agenda perpaduan dalam rancangan.

Jadual 4.0 Rancangan interaktif

B il	Rancangan	Format	Waktu siaran
1	' <i>Ju En Nu Hek</i> ' diterjemahkan dalam dialek Semai "Dari ku untuk mu".	Rancangan dengan format interaksi untuk menyampaikan pesan-an, peringatan dan dedikasi melalui telefon 0322823567, sms 32776 dan facebook ASYIKfm.	2100 hingga 2300 malam (Isnin hingga Jumaat)
2	Rakan Asyik	Rancangan yang membuka ruang untuk berkenalan dengan pendengar-pendengar Asyikfm. Berkonsepkan penyatuan 18 suku kaum etnik Orang Asli dan juga semua pendengar Asyikfm.	Ahad 1115-1300
3	Retro 68	Rancangan wawancara yang mengundang tetamu/personaliti yang mempunyai pengetahuan istimewa atau hobi dalam sesuatu bidang yang menarik perhatian Orang Asli.	1800 hingga 2000 (Isnin hingga Jumaat)

Sumber: Radio Asyikfm 2015

a) '*Ju En Nu Hek*'

Sebuah rancangan yang berkonsepkan masyarakat penyayang yang menggalakkan interaksi dan bersosial dalam kalangan pendengar-pendengarnya. Semua medium interaksi dibuka mem-

bolehkan akses kepada rancangan yang sedang keudara dengan membuka talian telefon, media sosial-facebook dan sms untuk dedikasi, ucapan-ucapan dan penghargaan sambil dihiburkan dengan lagu-lagu yang menjadi pilihan.

b) ‘Rakan Asyik’

Rancangan ‘Rakan Asyik’ merupakan sebuah rancangan hiburan dengan format santai, , disiarkan pada setiap Ahad jam 1115 – 1300. Pengisian rancangan dengan menyiarkan lagu-lagu moden Orang Asli yang dicipta dan dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi Orang Asli. Penyiaran lagu diselangseli dengan maklumat-maklumat mengenai aktiviti-aktiviti kampung/pos penempatan Orang Asli, berita persatuan dan hebahan semasa berkaitan masyarakat Orang Asli dengan segmen khas iaitu ruangan berkenalan dengan rakan-rakan Asyikfm (Mariamah Uda Nagu 2015). Interaksi melalui panggilan telefon, penghantaran pesanan ringkas (sms) dan maklumat dari media sosial, facebook serta melalui surat. Penulisan surat dikhususkan kepada mereka yang memilih untuk berinteraksi dengan Asyikfm melalui surat. Bersiaran dalam dwi-bahasa iaitu bahasa Melayu dan digandingkan dengan bahasa Semai, Temiar, Temuan, dan Jakun mengikut etnik DJ yang digilirkan mengikut Jadual Tugas Harian. Segmen berkenalan dalam rancangan Rakan Asyik telah menarik perhatian ramai Generasi Y untuk mengambil bahagian. Memperkenalkan diri masing-masing dan diakhiri dengan meninggalkan samada nombor telefon, alamat atau alamat emel untuk dihubungi. Menggalakkan interaksi inter dan intra etnik. Merujuk keratan akhbar (Sinar Harian 10 Mei 2012) hasil interaksi tersebut juga telah menemukan jodoh antara etnik Orang Asli dari suku etnik yang berbeza dan berasal dari lokasi penempatan yang berbeza.

c) ‘Retro 68’

Rancangan yang menyiarkan lagu-lagu retro malarsegar dari jam 6.00 petang hingga 8.00 malam. Dalam usaha menggalakkan interaksi Asyikfm menghiburkan pendengar sambil mengundang personaliti dengan bakat atau pengetahuan istimewa yang menarik perhatian Orang Asli. Dalam keadaan tertentu DJ akan bertindak sebagai penterjemah bahasa Melayu kepada dialek Semai dan sebaliknya.

Soal Selidik


Menerusi soal selidik yang telah diedarkan kepada 102 responden menggunakan perkhidmatan dan bantuan ‘enumerators’ di Pos Titom mendapati, radio Asyikfm telah berjaya menjadi teman setia kepada etnik minoriti Orang Asli Semai yang tinggal di penempatan pedalaman. Mereka tidak diedarkan dengan soal selidik kerana kadar buta huruf dalam kalangan mereka yang tinggi.

Berlatar belakang dengan penguasaan bahasa Melayu iaitu dengan kadar sederhana fasih, mereka telah membina hubungan dan sangkutan yang kukuh dengan DJ Asyikfm yang berfungsi sebagai penyalur maklumat, penghibur dan bertindak sebagai DJ/Penyampai dan penterjemah menerusi penyiaran berita dan rancangan wawancara.

Kecenderungan pendengar untuk mendapatkan informasi, maklumat serta perkembangan semasa dan hiburan, menjadikan radio sebagai sumber rujukan maklumat dan informasi serta sumber hiburan yang telah bertahan lama dalam satu jangkamasa yang panjang.

8.1 Minat Responden Mendapatkan Berita Dari Luar Komuniti


Rajah 1.0



Berdasarkan Rajah 1.0 pengkaji mendapati seramai 93% daripada responden berminat untuk mendapatkan informasi dan mengetahui berita perkembangan dari luar komuniti Pos Titom. Hanya 7% tidak berminat mengetahui perkembangan dunia luar. Selanjutnya apakah medium komunikasi massa yang dipilih oleh etnik minoriti yang tinggal jauh di pedalaman?

8.2 Penggunaan media massa

Rajah 2.0



Berdasarkan rajah 2.0 etnik Semai yang tinggal di kawasan pedalaman memilih radio sebagai teman untuk mendapatkan informasi dan hiburan. Kekuatan radio dimanfaatkan sepenuhnya iaitu radio tidak memerlukan perhatian sepenuhnya dalam mengikutinya. Siaran radio boleh diterima dengan jelas dan bersiaran dalam dialek dan citrabudaya Orang Asli. Mereka

mendengar radio melalui set radio yang dipasang secara konvensional melalui FM stereo. Mereka tidak mempunyai akses mendengar radio melalui internet mahupun melalui aplikasi. Liputan internet masih belum sampai di Titom.

Sekolah Rendah Titom dan Asrama Sekolah Titom serta Rumah-rumah Guru mendapat liputan internet dengan bekalan tenaga elektrik melalui Sistem *Solar Hybrid* dibawah kendalian Kementerian Pendidikan.

Pemilikan alat teknologi komunikasi media penyiaran, seramai 27 responden bersamaan dengan 26.5 peratus memiliki set televisyen manakala 26 responden bersamaan 25.5 peratus memiliki radio. Seramai 3 orang responden memiliki komputer riba bersamaan dengan 2.9 peratus manakala seorang memiliki telefon pintar bersamaan 1 peratus. Tidak ada responden yang memiliki komputer mahupun tablet.

Media cetak seperti surat khabar dan majalah agak sukar untuk sampai di penempatan ini pada setiap hari.

Pemilikan alat teknologi komunikasi massa


Jadual 8.1

Profil	Frekuensi	Peratusan (%)
Peralatan		
Radio	26	25.5
Televisyen	27	26.5
Telefon bimbit	53	52.0
Telefon pintar	1	1.0
Komputer	0	0
Komputer riba	3	2.9
Tablet	0	0

Merujuk Jadual 8.3, Pemilikan alat teknologi komunikasi media penyiaran, seramai 27 responden bersamaan dengan 26.5 peratus memiliki set televisyen manakala 26 responden bersamaan 25.5 peratus memiliki radio. Seramai 3 orang responden memiliki komputer riba bersamaan dengan 2.9 peratus manakala seorang memiliki telefon pintar bersamaan 1 peratus. Tidak ada responden yang memiliki komputer mahupun tablet.

Lokasi mendengar radio


Rajah 8.4



Merujuk Jadual 8.3 dan Rajah 8.4 pemilikan alat komunikasi massa bukanlah petunjuk yang tepat samada responden mendengar siaran radio ataupun tidak. Tidak memiliki radio tidak bermakna mereka tidak mendengar radio. *Trend* kehidupan penduduk Orang Asli di kawasan pedalaman ialah mereka berkongsi peralatan dan juga makanan. 61.5% penduduk Orang Asli etnik Semai di kawasan pedalaman mendengar radio di rumah jiran, sedangkan hanya 47.3% mendengar di rumah mereka sendiri. Perkongsian dan konsep gotong royong sentiasa diamalkan. Interaktiviti sesama mereka ketika mendengar radio merancakkan lagi siaran radio Asyikfm yang turut membuka talian telefon, sms dan facebook untuk mengambil bahagian dalam segmen interaktiviti. Namun demikian penduduk di Pos Titom tidak mempunyai akses dalam rancangan berbentuk interaktiviti melalui facebook, blog, pesanan ringkas kerana liputan internet belum dibekalkan dan liputan talian telefon yang sangat bergantung kepada lokasi.

Tabiat jangkamasa mendengar radio


Rajah 8.5



Merujuk rajah 8.5 seramai 33% daripada responden mendengar Asyikfm selama 3-6 jam sehari. Sementara 23.1% responden pula mendengar selama kurang dari 3 jam sehari, manakala 19.8% mendengar dengan jangkamasa 6 ke 9 jam sehari. 18.7% mendengar dengan jangkamasa melebihi 12 jam sementara hanya 5.5% mendengar radio selama 9 ke 12 jam sehari. Radio dipasang kuat sepanjang hari melatari aktiviti-aktiviti dirumah dan sekitar rumah di Pos Titom.

Radio Asyikfm stesen radio pilihan utama

Rajah 8.6



ngan 84.3
sa dan di-
Asyikfm,

mutu penerimaan siaran Asyikfm serta penerimaan DJ pelbagai etnik Orang Asli yang bersiaran di Asyikfm.

Merujuk kepada stesen-stesen radio lain yang menjadi pilihan responden, ia terdiri dari pelbagai stesen radio dengan pelbagai misi dan visi samada pemilikan oleh kerajaan atau syarikat swasta yang berorientasikan keuntungan.


Responden telah diminta membuat pilihan dalam kalangan stesen-stesen radio yang bersiaran dengan pelbagai misi dan visi serta objektif stesen dan didapati 84.3 peratus memilih Asyikfm sebagai pilihan pertama mereka. Radio Asyikfm merupakan satu satunya stesen radio yang bersiaran dalam dialek etnik Orang Asli yang menepati sifat heterogen iaitu bersiaran dalam bahasa mereka sendiri iaitu dialek Semai disamping dialek Temiar, Temuan dan Jakun dengan turut menyiarkan lagu dan muzik citra budaya masyarakat Orang Asli. Perasaan kepunyaan atau *ownership* terhadap stesen radio Asyikfm menjadikan mereka setia terhadap stesen radio Asyikfm dan berasaskan kesetiaan ini menjadikan Asyikfm pilihan utama mereka.

DJ/Penyampai Radio Asyikfm sebagai agen perutusan merapatkan hubungan

Radio Asyikfm sebagai satu satunya media penyiaran radio yang bersiaran dalam bahasa dialek Orang Asli mendedahkan seluas luasnya budaya masyarakat Malaysia yang bersifat plural dan menggalakkan interaksi inter dan intra etnik dalam program-program terbitan Asyik fm.

Kefahaman dalam memahami perbezaan budaya, bahasa, agama dan orientasi politik diterjemahkan dalam liputan sambutan perayaan-perayaan pelbagai bangsa, liputan program-program kerajaan dan acara-acara resmi pemimpin. Penyiaran bahan-bahan liputan dengan matlamat untuk memberi pendedahan serta mengelakkan sifat pra-sangka dan *ethosentrism*.

Rajah 8.7



Perbincangan dan Rumusan

Kajian ini melihat usaha takrifan autoriti (Shamsul 1996) yang dijalankan oleh kerajaan demi perubahan sosial masyarakat Orang Asli. Kerajaan berusaha mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli seperti objektif yang telah dimisikan melalui radio, Asyikfm sebagai agen perubahan sosial menggunakan kekuatan media dengan elemen-elemen pembujukan dan hiburan. Sebagai agen pembangunan Asyikfm menggunakan pendekatan memperkasa bahasa Melayu melalui penerbitan rancangan-rancangan, penterjemahan Berita dan Wawancara dalam siaran. Lagu dan muzik telah dimanfaatkan sebagai hiburan serta lirik memberi informasi dengan matlamat dan agenda-agenda kerajaan, institusi serta DJ/Penyampai. Elemen-elemen integrasi nasional diterapkan melalui informasi yang disampaikan oleh DJ/penyampai dengan citrabudaya Orang Asli sambil dihiburkan dengan lagu dan muzik.

Asyikfm menyajikan hiburan dengan suntikan informasi dan mesej. Asas ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Norshafawati, Asiah Sarji dan Fuziah Kartini (Jurnal Komunikasi Jilid 26(2):47-65 iaitu gabungan kedua dua melodi dan lirik boleh meletakkan muzik sebagai salah satu aspek komunikasi yang bertenaga dalam kehidupan manusia.

Radio Asyikfm telah berjaya menjadi teman setia kepada etnik minoriti Orang Asli Semai yang tinggal di penempatan pedalaman. Kesetiaan terhadap stesen radio Asyikfm boleh dilihat dalam perspektif dialek dan bahasa yang digunakan semasa siaran, lagu dan muzik yang disiarkan, kandungan siaran, mutu penerimaan siaran Asyikfm serta penerimaan DJ pelbagai etnik Orang Asli sebagai agen perutusan yang bersiaran di Asyikfm. Berfungsi sebagai orang tengah, Asyikfm menggalakkan komunikasi inter dan intra etnik Orang Asli dalam konteks penyatuan etnik-etnik Orang Asli sendiri.

Kajian ini memberi implikasi dan maklumat yang penting kepada masyarakat iaitu penyiar radio berperanan sebagai DJ yang suara mereka boleh didengar jauh di pedalaman penempatan Orang Asli. Mereka mempunyai pengaruh yang kuat dengan visi dan misi stesen terhadap etnik minoriti Orang Asli Semai yang berada di tahap yang berbeza dari masyarakat dominan. Menyampaikan informasi yang disalut dengan hiburan dan muzik, menterjemahkan informasi dalam rancangan temubual dan penyiaran berita kepada bahasa dan versi citra budaya Orang Asli merupakan diantara tugas-tugas professional seorang penyiar radio di stesen radio Asyikfm.

Penyiaran radio Asyikfm bersifat khusus atau *niche* untuk komuniti masyarakat Orang Asli di Malaysia. Sentuhan professional ini memerlukan sokongan dari segi sumber manusia iaitu penyiar yang berilmu dan matang serta berupaya membina pengaruh dan diminati. Fasa berikutnya dan yang terpenting ialah pemahaman dari mesej-mesej hasil dari pembujukan tersebut ialah minda terbuka yang memacu ke arah perubahan sikap. Penyiar radio sebagai agen perubahan perlu diangkat ke gred perjawatan mereka dengan kelulusan akademik dan imbuan yang bersesuaian berdasarkan peranan penting yang dimainkan dalam memacu proses asimilasi struktur integrasi nasional.

Asyikfm berjaya mengajak masyarakat Orang Asli bersosial melalui media. Rancangan-rancangan yang mempunyai elemen interaksi telah mendedahkan mereka dengan dunia media sosial menggunakan facebook juga menggunakan telefon dengan menghantar pesanan ringkas. Walaupun diperingkat tiada akses menggunakan media sosial mereka telah di dedahkan dengan media sosial sebagai pengguna pasif. Di peringkat ini mereka diperdengarkan dengan interaksi oleh pendengar-pendengar lain yang menggunakan media tersebut. Mendengar hasil interaksi

melalui penyampaian oleh DJ telah mendedahkan pendengar di Titom dengan maklumat-maklumat baru sambil dihiburkan dengan lagu-lagu citra budaya masyarakat Orang Asli. Rujukan kepada media sosial seperti facebook, laman sesawang tidaklah asing bagi mereka meskipun mereka belum lagi menggunakannya tetapi mereka telah mendapat manfaat daripada media sosial tersebut.

Hasil kajian juga mendapati akses kepada media komunikasi radio perlu dipertingkatkan. Kualiti penerimaan siaran di kawasan pedalaman diberi perhatian khusus dengan radio sebagai media penyiaran yang murah dan mudah seharusnya di jadikan medium dalam mendapatkan informasi dan hiburan diperingkat awal lagi dalam kehidupan Orang Asli. Siaran radio Asyikfm seharusnya dijadikan teman penghibur pada waktu senggang di asrama-asrama sekolah Orang Asli, balairaya mahupun di klinik-klinik di kawasan pedalaman mahupun penempatan yang terletak dipinggir bandar. Halangan infrastruktur, ketiadaan bekalan elektrik, liputan internet dan talian telefon menghalang etnik Orang Asli Semai di pedalaman mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan yang mempunyai elemen-elemen interaktif. Mereka terhalang dari mengambil bahagian dan menjadi pendengar pasif. Sokongan infrastruktur penting dalam menggalakkan perubahan sikap dan berintegrasi kedalam masyarakat dominan secara efektif.

Radio Asyikfm telah menjalankan fungsinya dengan memberi maklumat dan informasi serta menghiburkan dengan menyemai dan menyuntik elemen-elemen pembentukan integrasi nasional melalui kandungan rancangan dan persembahan rancangan. Kandungan rancangan merangkumi kepentingan pendidikan, pengetahuan kesihatan, kesedaran politik, pengetahuan ekonomi sosial dan kesedaran kepentingan integrasi.

Pandangan dunia merupakan takrifan harian Orang Asli terhadap realiti kehidupan sosial mereka yang memang terkenal dengan kekentalan budaya mereka. Versi pembentukan integrasi nasional dalam masyarakat Orang Asli etnik Semai di penempatan pedalaman adalah berdasarkan acuan mereka sendiri dan pandang dunia masyarakat tersebut.

Sehubungan dengan itu, diharapkan kajian ini dapat membantu memperkukuh medium penyaluran maklumat dan interaksi etnik minoriti melalui modul pembangunan *bottom up* dalam pembentukan integrasi nasional.

Rujukan

Arthur Asa Berger. 2005. *Media Analysis Techniques* (3rd ed), Thousands Oaks: Sage.

Asiah Sarji. 1995. *Jurnal Komunikasi*. 11: 19-29

Asnarulkhadi Abu Samah dan Hanima H. Hamsan 2008. Pendekatan dan Model Pembangunan Komuniti Orang Asli: Satu Ulasan. Dlm Ma'rof Redzuan, Sarjit S. Gill (pnyt). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*, hlm. 25-43 Penerbit Universiti Putra Malaysia Serdang.

Giddens, A. 1991. *The Consequences Of Modernity*. Stanford University Press, Oxford: Basil Blackwell, Cambridge: Polity Press

Hasan Mat Nor. 1998. *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*. Kertas Kadangkala Bil 8. Jabatan Antropologi Dan Sosiologi. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.

Hood Salleh, 2004. *Dunia Peribumi dan Alam Sekitar Langkah ke Hadapan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hood Salleh, Kamaruddin M. Said, Awang Hasmadi Mois.1993. *Mereka Yang Terpinggir: Masyarakat Terasing Indonesia dan Orang Asli di Malaysia*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM. Intan.

JAKOA. 2015. Data Maklumat Asas Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, JAKOA. Kuala Lumpur. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Karthigesu, R. 1990. *Two Decades Of Development Of Television Malaysia And Its Contribution To Nation Building*. Disertasi Ph.D Centre For Mass Communication Research, University Of Leicester.

Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abd. Rahman. 2008. Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana. Dlm Ma'rof Redzuan, Sarjit S. Gill (pnyt). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*, hlm. 252-283 Penerbit Universiti Putra Malaysia Serdang.

Ma'rof Redzuan dan Mohd Taufiq Mohamad. 2008. Orang Asli: Ekonomi Pasaran dan Konsumerisme. Dlm Ma'rof Redzuan, Sarjit S. Gill (pnyt). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*, hlm. 222-249 Penerbit Universiti Putra Malaysia Serdang.

Maxwell E. McCombs; Donad L. Shaw. 1972. *The Public Opinion Quarterly*. Oxford University Press.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. *Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan*. Jurnal Hadhari Bil 3(2010) 61-84.

Mohd Fauzi Mohd Harun, et all. 2006. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 40 (2006) 95-101.

**Mondal, Puja. *Social Change: Charateristics and Factors*. www.youngarticlelibrary.com
Akses pada 26 Jan 2015**

Norshafawati Saari,Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri. 2010. Muzik dan pembangunan sosial. Jurnal Komunikasi,. Malaysian Journal of Communication. Jilid 26(2): 47-65. Universiti Kebangsaan Malaysia

Ralph E. Hanson. 2013. *Mass Communication: Living in a media world (Fourth Edition)*. CQPress.

Siti Nor Awang, et all. 2012. 50 Tahun Berlalu Ke mana Jahai dan Temiar Di hutan Hujan Belum-Temenggor.

https://www.researchgate.net/publication/260562852_Siti_Nor_Awang_Kamal_Solhaimi
Akses pada 5 Mei 2016.

Siti Nor Awang Dan Juli Edo. 2003. Isu Pembangunan Dan Dampak Sosial Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Dalam Mohd Razali Agus Dan Yahaya Ibrahim (Pnyt). *Penilaian Dampak Sosial*: 278-290. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Zainal Abidin Hj. Ali. 2008. Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. Dlm Ma'rof Redzuan, Sarjit S. Gill (Pnyt). *Orang Asli: Isu, Transformasi Dan Cabaran*, Hlm. 1-24 Penerbit Universiti Putra Malaysia Serdang.

Asyikfm. <http://asyikfm.rtm.gov.my/asyik/index.php/info-asyik/51-sejarah-asyikfm>. Akses pada 6 Jun 2016

Abu Bakar Rahim. 2015. Pemancar Siaran Radio RTM. Temubual, 2 November 2015

Adilah Sheikh Omar. 2015. Kandungan Siaran Radio RTM. Temubual, 11 Ogos 2015

Itam Habri. 2015. Sejarah Radio: Siaran Orang Asli. Temubual, 4 Februari 2015.

Sinar Harian Online. 2012. 'Asyikfm Temukan Kami': Wartawan Sinar Harian. Atas Talian: www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/asyik-fm-temukan-kami-1.46801

Misliyah Rusli adalah penerbit rancangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Beliau mempunyai pengalaman luas sebagai penyiar dan wartawan. Berpengalaman sebagai DJ/Penyampai Radio dan Penerbit rancangan-rancangan TV: Majalah, Dokumentari, Berita Ehwal Semasa dan Penerbit Siaran Langsung TV.

Email: misliyah@gmail.com

Dr. Shazlin Amir Hamzah
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

JADUAL SIARAN ASYIKFM 2014

HARI / MASA	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD	HARI / MASA	
0800-0805	ID stesen /Tanda waktu /Ngaraku /Doa							0800-0805	
0805-0820	Hebahan intisari rancangan/Lagu tradisional Orang Asli/Lagu Patriotik							0805-0820	
0820-0900	RIUH ASYIK (segmen interaktif phone-in/out, SMS, topik isu semasa)				YEH YAH N ASYIK (hiburan santai bermaklumat)			0820-0900	
0900-0905	MOTIVASI PAGI							0900-0905	
0905-0930	RIUH ASYIK (segmen interaktif phone-in/out, SMS, topik isu semasa)				SELEKSI ASYIK (Lagu-lagu pilihan pendengar)			0905-0930	
0930-0935	NU NYENIS NANEK (Belajar Bahasa Semai)							0930-0935	
0935-1000	RIUH ASYIK (segmen interaktif phone-in/out, SMS, topik isu semasa)							0935-1000	
1000-1005	BAHASA JIWA BANGSA							1000-1005	
1005-1100	RIUH ASYIK (segmen interaktif phone-in/out, SMS, topik isu semasa)							1005-1100	
1100-1110	BERITA JAKUN							1100-1110	
1110-1115	Hari Ini Dalam Sejarah (HIS) & Lagu Sewang							1110-1115	
1115-1300	BERSAMA KITAA (Segmen Interaktif phone in/out, SMS, tetamu agensi kerajaan, NGO)				LEWTOW MENALEH (segmen khusus untuk belia)		RAKAN ASYIK (segmen berkenalan)		1115-1230
1300-1310	BERITA SEMAI							1300-1310	
1310-1315	Hari Ini Dalam Sejarah (HIS) & Lagu Sewang / Tradisional							1310-1315	
1315-1400	SAMBIL KAKDIK SAMBIL BERPIHOI (Segmen Interaktif phone in/out, SMS, tetamu agensi kerajaan, NGO)				SELINGKAR KISAH (Drama)		NYOB WIRA		1315-1400
1400-1500	ROCK D'ASYIK	PANTAR SUNTIQ RELAWET	BALEI JENULAK	PANTAR SUNTIQ RELAWET	DARI DAPUR	KOLEKSI ANTARABANGSA	LAGU TRADISIONAL	1400-1500	
1500-1510	BERITA TEMUAN							1500-1510	
1515-1600	RENTAK GENEN NON STOP (segmen lagu moden Orang Asli 100% tanpa henti)				INFO SUKAN (Perkembangan sukan dalam & luar negara)		HUNEN BUKAN CANUK (Kisah masyarakat sebagai teladan)		1515-1600
1600-1605	BAHASA JIWA BANGSA (ULANGAN)							1600-1605	
1605-1700	RENTAK GENEN (segmen lagu moden Orang Asli 100%)			HITS 91.1 (Carta Lagu)		IRAMA 60-AN		IRAMA MALAYSIA	1605-1700
1700-1715	BERITA NASIONAL							1700-1715	
1715-1720	Hari Ini dalam Sejarah (HIS) & Lagu Sewang/Tradisional							1715-1720	
1720-1800	RN R ASYIK (Lagu hiburan, info traffic)				GRADUNG GRADENG		KIYAH KIYOH (Segmen tempat menarik dalam & luar negara, tips berguna semasa melancong)		1720-1800
1800-1900	RETRO 68 (lagu-lagu 70an hingga tahun 1999)				NAR KATEH NANEK (lagu back to back)				1800-1900
1900-1910	BERITA TEMIAR							1900-1910	
1910-1915	Hari Ini Dalam Sejarah (HIS) & Lagu Sewang/tradisional							1910-1915	
1915-2000	RETRO 68 (lagu-lagu 70an hingga 1999)				NAR KATEH NANEK (lagu back to back)		BOLLY BEAT (Lagu-lagu hits Hindi)		1915-2000
2000-2100	GAH NU HARIK (petikan berita-berita menarik sepanjang hari)				BERSAMA ARTIS				2000-2100
2100-2200	JU EN NU HEK (segmen dedikasi pendengar kepada pendengar)				ASYIKNYA DANGDUT		CORETAN HATI (coretan luahan hati para pendengar)		2100-2200
2200-2205	ULASAN BERITA							2200-2205	
2205-2255	JU EN NU HEK (segmen dedikasi pendengar kepada pendengar)				ASYIKNYA DANGDUT		CORETAN HATI (coretan luahan hati para pendengar)		2205-2255
2255-2300	PENUTUP / LAGU TRADISIONAL							2255-2300	

LAMPIRAN 2

JADUAL GILIRAN BERTUGAS DJ/PENYAMPAI MENGIKUT DIALEK

KUMP.	HARI / MASA	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
K1	0800 - 1100	AA/NR	AA/NR	AA/NR	AA/NR	NR/MN	JAKUN/ TEMIAR	SEMAI/ TEMUAN
K2	1100 - 1400	JAKUN AI	SEMAI RM	TEMUAN FT/RS/LA	TEMIAR HK	TEMUAN FT	SEMAI KT/RM	JAKUN LI
K3	1400 - 1700	TEMUAN LA	JAKUN NZ	SEMAI PT	JAKUN ZB	TEMIAR MA	TEMUAN HD	TEMIAR KA
K4	1700 - 2000	TEMIAR HK	TEMIAR KA	JAKUN ZB/NZ	TEMUAN LA/RS	SEMAI KT	JAKUN ZM	SEMAI AA
K5	2000 - 2300	SEMAI KT/RM	TEMUAN HD/LA/FT/RS	TEMIAR BN	SEMAI MN	JAKUN ZM	TEMIAR BN	TEMUAN RS

Sumber: RTM 2015